



**PERUTUSAN  
YBHG. DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI  
DATUK BANDAR  
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

**MESYUARAT MAJLIS PENUH BIL.2/2024  
PADA 28 FEBRUARI 2024 (RABU) JAM 10.00 PAGI**

**BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM**

Assalamualaikum WBT...

Salam Sejahtera dan Salam Bersih. Muafakat dan Sejahtera.  
Salam Malaysia Madani.

1. Yang dihormati barisan Ahli Majlis, Setiausaha, barisan Ketua Jabatan dan Ketua Unit, pegawai - pegawai, rakan media serta para hadirin yang saya hormati sekalian.
2. Saya juga mengalu-alukan kehadiran YB:
  - I. YB Tuan Loke Siew Fook, Ahli Parlimen Seremban;
  - II. YB Tuan Cha Kee Chin, Ahli Parlimen Rasah;
  - III. YB Datuk Haji Mohd Asna bin Amin, ADUN Lenggeng;
  - IV. YB Tuan Gunasekaran a/l Palasamy, ADUN Seremban Jaya;
  - V. YB Tuan Yap Yew Weng, ADUN Mambau;
  - VI. YB Tuan Ng Chin Tsai, ADUN Temiang;
  - VII. YB Tuan Siau Meow Kong, ADUN Rahang
  - VIII. YB Tuan Chew Seh Yong, ADUN Lobak

3. Alhamdulillah, puji dan syukur kepada Illahi di atas pelbagai kurniaan dan anugerah yang tidak terhitung buat kita semua. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, keluarga dan sahabat Baginda serta mereka yang mengikut jejak langkah Baginda hingga ke hari kesudahan.

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

4. **“Kitalah Benteng Malaysia”** adalah tema yang digunakan sewaktu Majlis Amanat Ketua Setiausaha Negara 2024, yang disempurnakan oleh Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali pada 13 Februari 2024 yang lalu. Majlis Bandaraya Seremban turut tidak ketinggalan untuk menyaksikan amat Ketua Setiausaha Negara secara atas talian.
5. Antara inti pati amanat yang telah disampaikan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Seri KSN adalah supaya semua penjawat awam menumpukan kepada pencapaian semasa sejajar dengan prinsip ***The G.R.E.A.T. Civil Service*** (**G**ood governance, **R**esponsible, **E**mpathy, **A**ccountable & **T**enacity of purpose) yang diperkenalkan pada tahun 2023 dan dapat memberi impak kepada kualiti perkhidmatan awam, seterusnya menyumbang kepada aspirasi Malaysia MADANI.
6. Selain itu, fokus dan keutamaan pada tahun 2024 ini ialah '***Civil Service Reform***' - ialah ***masta to'tum*** berdasarkan 'Modal Insan dalam Perkhidmatan Awam' dan 'Pelaksanaan Dasar dan Penyampaian Perkhidmatan'. Ini merangkumi peningkatan kecekapan, keberkesanan dan profesionalisme penjawat awam dalam

memastikan penyampaian perkhidmatan Kerajaan yang telus, pantas dan mencapai keberhasilan yang ditetapkan.

7. YBhg. Tan Sri Dato' Seri KSN turut meminta kita sebagai penjawat awam untuk melihat semula kaedah kerja yang dipraktikkan dan memberi penekanan kepada kepentingan semangat kerja berpasukan merentas kementerian atau jabatan.
8. Justeru itu, melaksanakan segala dasar dan strategi di bawah **Malaysia MADANI** ialah tanggungjawab semua kita sebagai penjawat awam. Kitalah benteng Malaysia, yang menjadi tulang belakang kepada kejayaan pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan.

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

9. Pada 3 Februari 2024 yang lalu Majlis Bandaraya Seremban telah menerima Lawatan Mencemar Duli **DYMM Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir dan DYMM Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus Tuanku Aishah Rohani Binti Almarhum Tengku Besar Mahmud** ke Monumen Rukun Negara, Dataran Seremban.
10. Mewakili pentadbiran Majlis Bandaraya Seremban patik *menjunjung kasih* akan keberangkatan DYMM Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus dan DYMM Tuanku Ampuan Besar Negeri Sembilan atas perkenan Tunku mengadakan lawatan ke Monumen Rukun Negara di Dataran Seremban.

11. Majlis ini turut dihadiri oleh ;

**I. YB Tuan Arul Kumar A/L Jambunathan,**

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pembangunan Kerajaan  
Tempatan, Perumahan dan Pengangkutan,

**II. YB Puan Nicole Tan Lee Koon,**

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pelancongan, Kesenian  
Dan Kebudayaan merangkap ADUN Bukit Kepayang,

**III. YB Hajah Tengku Zamrah Binti Tengku Sulaiman,**

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesihatan, Perpaduan,  
Penerangan, Integrasi Nasional dan NGO

**IV. Tan Sri Lee Kim Yew**

**V. Tan Sri Azizan Ariffin**

VI. Pengarah Jabatan Penerangan Malaysia Negeri Sembilan

VII. Pengarah Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional  
Negeri Sembilan

VIII. Ahli Majlis MBS – Encik Lee Kai Yet & Encik Chong Say Hoo

12. Tahniah kepada urusetia majlis dan kesemua Jabatan yang terlibat telah bertungkus lumus membantu melakukan persediaan-persediaan bagi menjayakan majlis ini. Terima kasih kepada kesemua Ketua-Ketua Jabatan & Unit yang telah memberikan kerjasama sepanjang majlis ini berlangsung.

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

13. Keberadaan Monumen Rukun Negara di Dataran Seremban sememangnya menjadi nilai tambah salah satu tarikan baharu di Dataran Seremban. Projek naiktaraf landskap seperti di **Dataran Seremban, Air Pancur Seremban** (Tepi Padang Mbs Jalan Dato' Bandar Tunggal), **Dataran Lobak, Hadapan KTM Seremban & Seremban Prima** adalah salah satu usaha MBS, Kerajaan Negeri & KPKT bagi mengindahkan lagi persekitaran di Bandaraya Seremban.
14. Selain itu, baru-baru ini di dalam **Mesyuarat Jawatankuasa Induk Panel of Experts (POE) Bil 1/2024**, Menteri Perumahan & Kerajaan Tempatan, **YB Tuan Nga Kor Ming**, telah memaklumkan bahawa KPKT mensasarkan membangunkan 100 **Taman Rekreasi MADANI** di seluruh negara pada tahun 2024 dengan peruntukan sebanyak RM 50 Juta.
15. Sehubungan dengan itu, saya memohon untuk Jabatan Taman & Landskap dapat menyediakan satu permohonan berkaitan Pembangunan Taman Rekreasi MADANI di lokasi tumpuan sekitar Bandar Seremban & Nilai.
16. Justeru itu, saya menyeru kepada kesemua warga bandar raya atau pengunjung dapat menghargai dan tidak melakukan perbuatan vandalisme di mana-mana saja. Vandalisme itu jenayah. Sabit kesalahan pelaku vandalisme boleh dikenakan denda tidak melebihi **RM2,000.00** atau **penjara tidak melebihi setahun** atau kedua-duanya sekali.

17. Tanamkanlah sifat cinta akan Bandaraya kita. Buah fikiran dan *progress* kerja untuk menjayakan sesebuah projek bukanlah suatu perkara yang mudah. Dengan setiap usaha kita untuk memelihara bandaraya Seremban ini, kita menyumbang kepada kehidupan yang lebih baik untuk semua. Marilah kita terus bersatu merangkul perubahan yang positif dan menjadikan bandaraya ini sebagai tempat yang kita banggakan.

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

### ***ARTIFICIAL INTELLIGENCE (AI) @ KECERDASAN BUATAN***

18. Seperti yang sedia maklum surat mengenai pelaksanaan program “**AI Untuk Rakyat**” dalam kalangan penjawat awam telah pun diedarkan kepada setiap Jabatan dan Unit untuk tindakan seluruh kakitangan MBS. Oleh itu, saya berharap setiap kakitangan telah melengkapkan program pembelajaran secara dalam talian bagi memperoleh lencana “**AI Aware**” dan “**AI Appreciate**” sebagai langkah peningkatan kesedaran kakitangan MBS terhadap penggunaan teknologi maju ini.
19. **YAB Perdana Menteri Malaysia** turut berkata Kerajaan Malaysia akan memperuntukan sehingga RM 40 Juta bagi inisiatif penyediaan bidang latihan bidang kecerdasan buatan ini. Hal ini supaya penjawat awam tidak ketinggalan dan dapat menguasai kemahiran ini serta mengaplikasikan dalam tugas harian. Sehubungan dengan itu, bagi pemeraksanaan **AI** di MBS saya mohon Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi dapat memberikan cadangan-cadangan pelaksanaan **AI** yang boleh digunakan kelak.

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

## **PELAPORAN JABATAN KEWANGAN**

20. Sehingga 25 Februari 2024, prestasi kutipan Cukai Taksiran Majlis Bandaraya Seremban adalah seperti berikut:-

(a) Cukai Taksiran

Sasaran 85% Bil Semasa 2024 (63.14 Juta)

Prestasi = **RM41.44 Juta (55.79%)**

(b) Sasaran 30% Tunggakan (RM26.02 Juta)

Prestasi = **RM3.92 Juta (4.52%)**

(c) Sasaran 100% Bajet Cukai (RM145.5 Juta)

Prestasi = **RM47.42 Juta (32.59%)**

(d) Sasaran Terimaan Hasil 100% (RM223.56 Juta)

Prestasi = **RM61.57 Juta (27.54%)**

(e) Belanja Mengurus (RM220.16 Juta)

Prestasi = **RM21.84 Juta (9.92%)**

(f) Belanja Pembangunan (RM14.40 Juta)

Prestasi = **RM1.13 Juta (7.91%)**

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

21. Jabatan Kewangan MBS telah mengadakan operasi kutipan cukai taksiran dari pintu ke pintu seperti ketetapan berikut ;

- I. Taman Garden Homes,
- II. Taman Dusun Setia,
- III. Taman Purba,
- IV. Taman Suria,
- V. Taman Bukit Chedang,
- VI. Taman Ampangan,
- VII. Taman Sri Pulai,
- VIII. Taman Angsana.

22. Aktiviti operasi kutipan cukai taksiran dari pintu ke pintu yang dijalankan ini berjaya menghasilkan kutipan berjumlah **RM 42,259.70** daripada **104 bilangan akaun**.

*SUMBER : JABATAN KEWANGAN*

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

## **PELAPORAN JABATAN PELESENAN & PEMBANGUNAN USAHAWAN**

23. Pada 21 – 23 Januari 2024, Jabatan Pelesenan & Pembangunan Usahawan (JL) telah mengadakan Bengkel Penyelarasan Syarat Perniagaan Pusat Latihan Snuker Dan Penetapan (Zon) Khas Lesen Komposit Kedai Runcit MBS . Bengkel ini turut dihadiri 12 orang Ahli

Majlis, wakil-wakil agensi teknikal luar daripada IPD Seremban, Jabatan Belia & Sukan NS. Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk membincangkan mengenai syarat perniagaan pusat latihan snuker dan penetapan (zon) lesen komposit kedai runcit Majlis Bandaraya Seremban.

24. Selain itu, Jabatan Pelesenan & Pembangunan Usahawan telah mengadakan lawatan di kawasan-kawasan tapak penjaja seperti ketetapan berikut ;

**I. 23 Januari 2024 di Bandar Tasik Senangin**

Lawatan bersama YB Datuk Haji Mohd Asna bin Amin bagi tinjauan lokasi cadangan tapak penaja setempat tambahan dan membantu membuka ruang kepada peniaga sedia ada untuk menjalankan perniagaan secara sah.

**II. 13 Februari 2024 di Pusat Penjaja Foodtruck Sikamat**

Lawatan bersama Encik Mohd Nurhafiz bin Ismail, Ahli Majlis Zon 19 bertujuan untuk membincangkan penambahbaikan tapak penjaja kendera saji (*foodtruck*) yang masih tidak beroperasi di lokasi tersebut.

**III. 15 Februari 2024 di Gerai Rumah Rakyat Kg Panchor**

Lawatan bersama YBhg. Datuk Latteffah Binti Aliyaru Kunju, Ahli Majlis Zon 17 pada 15 Februari 2024 bagi meninjau keadaan gerai di Gerai Rumah Rakyat Kg Panchor. Lawatan ini turut dihadiri oleh Pengerusi JPKK Kg Panchor, En. Hanafiah Bin Hamid

25. Saya mohon Jabatan Pelesenan & Pembangunan Usahawan dapat membuat penilaian sewajarnya hasil daripada lawatan dan tinjauan yang telah dilaksanakan dapat memberi manfaat kepada MBS, penjaja dan masyarakat setempat.

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

26. Sesi serahan surat lantikan penganjur dan taklimat syarat lantikan penganjuran & perniagaan Bazar Ramadan dalam kawasan Majlis Bandaraya Seremban Tahun 1445H/2024M telahpun diadakan pada 07 Februari 2024 yang lalu. Perjumpaan ini bertujuan untuk memberi penerangan kepada penganjur bazar ramadan berkenaan syarat-syarat yang perlu dipatuhi serta menyerahkan surat lantikan kepada penganjur yang dipilih melalui Mesyuarat Jawatankuasa Task Force Bazar Ramadan MBS.
27. Senarai penganjur Bazar Ramadhan dalam kawasan Majlis Bandaraya Seremban Tahun 1445H / 2024M telah pun dihebahkan di laman sesawang MBS & facebook MBS. Kepada peniaga yang berminat boleh menghubungi penganjur-penganjur yang di kawasan yang ditetapkan. Saya berharap penganjur dan peniaga dapat mematuhi segala syarat-syarat yang telah ditetapkan dan memastikan kawasan niaga anda berada dalam keadaan selamat dan bersih.

*SUMBER : JABATAN PELESENAN & PEMBANGUNAN USAHAWAN*

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

## **PELAPORAN JABATAN PENYELENGGARAAN**

28. Sejak dari awal tahun 2024 sehingga 16 Februari 2024, Jabatan Penyelenggaraan telah menyelesaikan 746 aduan-aduan yang disalurkan dalam Sispaa MBS bagi tindakan seksyen-seksyen Jabatan Penyelenggaran antaranya ;

I. Seksyen Pembersihan - 96 aduan

II. Seksyen Kejuruteraan - 449 aduan

Elektrik : 236 aduan

Civil : 213 aduan

III. Seksyen Mekanikal - 15 aduan

IV. Seksyen Landskap - 186 aduan

29. Untuk tindakan lebih proaktif, saya mohon Jabatan Penyelenggaraan sentiasa terus melakukan kerja-kerja seperti pembersihan dilakukan secara berkala dan berusaha menyelesaikan aduan-aduan yang belum diselesaikan serta memastikan log kerja di Sispaa MBS sentiasa dikemaskini selepas tindakan dibuat supaya pengadu mengetahui akan status aduan terkini.

*SUMBER : JABATAN PENYELENGGARAAN*

## **PELAPORAN UNIT INTEGRITI**

30. Integriti merupakan salah satu ciri penting yang perlu ada dalam diri pada setiap pegawai dan kakitangan merangkumi suatu kualiti dan ciri positif yang wujud secara keseluruhan kepada individu itu sendiri.
31. Integriti dalam perkhidmatan awam tidak hanya terhad kepada isu rasuah serta pematuhan berkaitan sistem dan prosedur kerja sahaja malah ia juga meliputi semua aspek budaya kerja seperti menjalankan tugas dengan penuh komited, penggunaan masa yang optimum serta hubungan yang harmoni dalam organisasi.
32. Dalam konteks pengurusan dan tadbir urus yang baik, pemerkasaan amalan integriti memerlukan kefahaman dan kesedaran yang tinggi. Sekiranya diabaikan akan membawa natijah yang tidak baik bukan sahaja kepada diri sendiri dan keluarga bahkan juga kepada organisasi itu sendiri.
33. Budaya integriti dapat disemai dan dimantapkan melalui peringatan dan pengajaran bahawa tugas itu adalah amanah yang telah dipertanggungjawabkan. Tindak-tanduk seseorang individu itu sentiasa dipantau dan penyaksian oleh Allah S.W.T tidak kira batasan waktu dan tempat.

*SUMBER : UNIT INTEGRITI*

## PENUTUP

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

34. Dalam usaha memperkemaskan peranan ahli Majlis MBS, saya menyarankan Ahli-Ahli Majlis MBS dapat memahami lebih dalam berkaitan peranan dan fungsi jabatan-jabatan yang terdapat di MBS agar dapat melancarkan lagi perjalanan pengurusan MBS. Selain itu, saya meminta untuk Ahli-Ahli Majlis MBS dapat menyantuni dengan baik para pegawai dan kakitangan MBS dalam usaha mewujudkan hubungan yang harmoni dan sekaligus meningkatkan lagi kecekapan pentadbiran.
35. Dalam pada itu, saya juga ingin menasihatkan ahli mesyuarat untuk menggunakan platform Mesyuarat Majlis Penuh ini bagi membahaskan usul-usul berkaitan dasar-dasar, perancangan dan cadangan penambahbaikan perjalanan MBS. Perkara-perakara yang berbangkit boleh di bawa ke dalam mesyuarat jawatankuasa yang lain.

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

36. Pada hari ini, kita sudah berada pada **18 Syaaban 1445** bermakna kurang daripada 2 minggu saja lagi kita bakal menyambut kedatangan Bulan Ramadhan Al-Mubarak. Bulan yang dinanti-nantikan buat seluruh umat Islam di Dunia bagi merebut peluang untuk terus meningkatkan amal ibadah.

37. Pada sisi tugas dan pekerjaan, saya percaya setiap Jabatan & Unit mempunyai perancangan-perancangan yang perlu dilaksanakan sewaktu bulan Ramadhan. Manfaatkanlah ketibaan bulan Ramadhan ini sebagai motivasi untuk lebih berusaha dan berjaya serta membuka peluang kepada transformasi diri yang melibatkan cara bekerja yang lebih efisien.
38. Akhir kata, semoga segala perancangan dan usaha kita dalam memajukan dan menambahbaik perkhidmatan perbandaran di Seremban untuk membawa manfaat kepada warga bandar raya akan terus dipermudahkan, *In Shaa Allah*.

Selamat Menyambut Bulan *Ramadhan Al-Mubarrak*

Sekian, *Wabillah Wal Taufiq Wal Hidayah, Wassalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*.

**DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI**  
**DATUK BANDAR**  
**MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN  
28 FEBRUARI 2024